

# Tiada peraturan mesti serentak: Mahathir

BM 27 MAY 1990

ALOR STAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau tidak tahu mengenai pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah.

Menurutnya, kerajaan Sabah berhak membubarkan Dewan Undangan Negeri pada bila-bila masa dan tidak ada undang-undang yang memestikan pilihanraya negeri berkenaan serta di Sarawak diadakan serentak dengan negeri di Semenanjung.

"Pilihanraya negeri di Sabah serta Sarawak ditetapkan oleh kerajaan negeri masing-masing dan mereka mengadakan pilihanraya lewat berbanding di negeri lain. Terpulanglah bila mereka hendak mengadakannya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis kesyukuran peladang Mada di sini, semalam.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata beliau tidak menerima sebarang permintaan daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Usno mengenai penggunaan lambang parti dalam pilihanraya negeri itu.

"Dulu saya dengar mereka hendak gunakan lambang sendiri dan lepas itu hendak pakai lambang Barisan Nasional (BN). Terpulanglah, kita memberi kelonggaran," katanya.

Mengenai peluang BN, beliau berkata: "Kita ada dua parti BN. Siapa menang, Usno atau PBS, kita yang menang. BN tidak akan kalah."

Beliau juga berkata Umno pada umumnya sudah bersiap sedia dan mampu untuk menghadapi pilihanraya umum yang akan diadakan tidak lama lagi.

Ini berdasarkan laporan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno yang diarah mengadakan lawatan ke negeri-negeri.